



**KENYATAAN AKHBAR  
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)**

---

**“JAS SELANGOR TAHAN OPERASI PREMIS CUCI TONG DRUM BERISI  
SISA TOKSIK YANG MENJADI PUNCA AIR PARIT BERBUIH PUTIH DI  
TELOK GONG, SELANGOR”**

**10 DISEMBER 2020, KLANG** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah menyerbu sebuah premis yang didapati menjalankan aktiviti mencuci tong-tong terpakai secara haram di Jalan Telok Gong, Pelabuhan Klang, Selangor. Aktiviti di premis tersebut didapati menjadi punca kepada pembentukan buih berwarna putih di dalam parit di sekitar kawasan perumahan Taman Ubudiah.

Semasa serbuan yang dijalankan oleh pihak JAS Selangor dan MPK pada 10.00 pagi, kawasan lantai dan longkang premis didapati masih basah walaupun premis tidak menjalankan sebarang operasi. Seorang pekerja warga asing telah berjaya melarikan diri sebaik sahaja pihak berkuasa memasuki premis. Siasatan mendapati sebuah kawasan berbumbung anggaran 90 kaki persegi telah dijadikan tempat mencuci tong-tong terpakai. Air cucian termasuk sisa buangan terjadual telah dialirkan secara haram ke dalam parit yang terletak di belakang premis tanpa sebarang proses pengolahan. Siasatan lanjut mendapati premis berkenaan memperolehi tong-tong terpakai daripada kawasan industri di sekitar Daerah Klang, Selangor. Tong-tong yang telah bersih kemudiannya dijual semula kepada kilang-kilang seperti kilang pembuatan bahan kimia untuk tujuan isian semula (refill).

Dua sampel sisa buangan terjadual yang terdapat dalam tong-tong terpakai telah diambil sebagai bahan bukti dan kawasan pencucian turut dikepung dengan pita amaran bagi mengelakkan pencerobohan bahan bukti di premis.

Pemilik premis tersebut telah menyalahi Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 yang mana tong-tong terpakai merupakan buangan terjadual dengan kod deskripsi SW 409 dan aktiviti kitar semula ini hendaklah memperoleh lesen daripada JAS.

Kertas Siasatan telah dibuka untuk pendakwaan di mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 seperti berikut:

**Seksyen 34A** iaitu gagal mengemukakan laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan;

**Seksyen 34B** iaitu menempatkan buangan terjadual di premis tanpa mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah;

**Seksyen 18(1)** iaitu menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat apa-apa lesen daripada Ketua Pengarah; dan

**Seksyen 19(a)** iaitu menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat apa-apa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.

Peralatan yang digunakan dalam proses cucian turut dikenakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sehingga ke satu tarikh yang akan ditentukan.

Operasi ini telah dijalankan dengan mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP), arahan dan langkah-langkah keselamatan serta kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membendung penularan wabak Covid-19 dalam negara.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menjadi mata dan telinga JAS dan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**PUAN NOR AZIAH BINTI JAAFAR**  
**PENGARAH**  
**JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI SELANGOR**  
Dikeluarkan pada 10 Disember 2020

Gambar-gambar semasa siasatan dijalankan




Parit di kawasan Taman Ubudiah, Telok Gong yang dicemari buih berwarna putih



Longkang di Taman Ubudiah Telok Gong.

Gambar buih berwarna putih yang diadukan oleh penduduk Taman Ubudiah, Telok Gong





Gambar yang diambil melalui *drone* menunjukkan parit di belakang premis dipenuhi cecair berwarna putih akibat aktiviti cucian tong-tong terpakai



Pegawai JAS sedang mengambil sampel buangan yang terdapat dalam salah sebuah tong drum





Tempat mencuci tong-tong terpakai telah dikordon dengan pita JAS



Kawasan penstoran tong-tong terpakai telah dikordon oleh JAS